



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***EFIKASI KENDIRI BERTUTUR BAHASA ARAB DALAM KALANGAN  
PELAJAR UNIVERSITI AWAM***

**NADIAH BINTI MOHAMAD ADNAN**

**FBMK 2016 21**



**EFIKASI KENDIRI BERTUTUR BAHASA ARAB DALAM KALANGAN  
PELAJAR UNIVERSITI AWAM**

Oleh

**NADIAH BINTI MOHAMAD ADNAN**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti  
Putra Malaysia, sebagai memenuhi sebahagian keperluan untuk ijazah  
Master Sastera**

**April 2016**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**EFIKASI KENDIRI BERTUTUR BAHASA ARAB DALAM KALANGAN  
PELAJAR UNIVERSITI AWAM**

Oleh

**NADIAH BINTI MOHAMAD ADNAN**

**April 2016**

**Pengerusi : Che Radiah Bt Mezah, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kemahiran bertutur merupakan kemahiran asas dalam penguasaan bahasa. Kemahiran ini adalah antara kemahiran terpenting yang perlu diberi perhatian bagi memastikan pelajar itu dapat menguasai sesuatu bahasa dengan baik. Namun, realiti pada hari ini terdapat ramai pelajar bahasa Arab yang tidak mampu bertutur bahasa Arab dengan baik. Dalam hal ini, para sarjana berpendapat permasalahan ini amat berkait rapat dengan efikasi sendiri pelajar. Efikasi sendiri bertujuan mengetahui tahap keyakinan pelajar untuk bertutur bahasa Arab. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap efikasi sendiri bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar UA, mengenal pasti perbezaan tahap efikasi sendiri pelajar mengikut jantina dan mengetahui perbezaan di antara tahap efikasi sendiri bertutur bahasa Arab pelajar UA dengan tahun pengajian. Kajian yang menggunakan pendekatan kuantitatif ini melibatkan seramai 278 pelajar pengkhususan bahasa Arab yang dipilih secara persampelan terarah dari dua buah UA; iaitu USIM dan UIAM. Instrumen berbentuk soal selidik yang merangkumi lima sumber iaitu; pencapaian diri sendiri, pencapaian orang lain, pemujukan diri dan sosial, keadaan fisiologi dan metafizik. Sumber metafizik adalah sumber yang ditambah bagi mengikut kesesuaian kajian. Data yang diperolehi telah dianalisis secara deskriptif dan inferensi yang menggunakan *Statistical Packages for the Social Science* (SPSS). Hasil analisis deskriptif menunjukkan tahap efikasi sendiri bertutur bahasa Arab pelajar UA adalah sederhana. Selain itu, ujian -t telah menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan sumber efikasi sendiri bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar lelaki dengan perempuan. Sebaliknya, ujian ANOVA pula memperlihatkan terdapat perbezaan yang signifikan antara sumber efikasi sendiri dengan tahun pengajian. Hal ini bermakna penggunaan sumber efikasi sendiri pelajar memberi kesan kepada peningkatan tahun pengajian. Justeru, efikasi sendiri merupakan elemen yang penting dalam penguasaan bahasa Arab dan perlu diberi penekanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar pelajar mampu bertutur bahasa Arab dengan baik.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Degree of Master of Arts

**ARABIC SPEAKING SELF-EFFICACY OF STUDENTS IN PUBLIC UNIVERSITY**

By

**NADIAH BINTI MOHAMAD ADNAN**

**April 2016**

**Chairman : Che Radiah Bt Mezah, PhD**  
**Faculty : Modern Language and Communication**

Speaking skills are basic skills in language acquisition. These skills are among the most important skills that need to be addressed in order to ensure that students can master the language very well. However, the reality today there is many students who cannot afford to speak in Arabic well. In this case, scholars have argued, this issue is closely related to student self-efficacy. It aims to determine the level of confidence of students to speak Arabic. Therefore, this study aims to determine the level of self-efficacy to speak Arabic among public university students, identify the different levels of self-efficacy of students by sex and know the differences between the levels of self-efficacy in Arabic -speaking students by year of study. The study uses a quantitative approach involved about 278 students majoring in Arabic targeted sample selection from the two public universities; USIM and UIAM. Instruments for questionnaire comprising five sources, which are; mastery experiences, vicarious experiences, social persuasion, physiology persuasion and metaphysics. Metaphysics source are added depending on the conformity assessment. The data obtained were analyzed by descriptive and inference using the Statistical Packages for the Social Science (SPSS). Descriptive analysis showed that the level of self-efficacy of students in Arabic-speaking is moderate. In addition, the t-test showed no significant difference in the use of self-efficacy resources among male and female students. In contrast, ANOVA test showed a significant difference between self-efficacy sources with years of study. This means the use of student self-efficacy affects the increase in education. Thus, self-efficacy is an important element in the mastery of Arabic and need to be addressed in the process of teaching and learning so that students can speak Arabic well.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah 'Azza Wajalla kerana dengan rahmat dan 'inayahNya, tesis ini dapat disiapkan.

Ucapan jutaan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah merangkap penyelia saya yang dikasihi, Dr. Che Radiah Mezah yang telah banyak membimbing dan membantu saya tanpa rasa jemu, sehingga berhasil menyiapkan tesis ini. Begitu juga ucapan terima kasih ditujukan kepada Dr. Nik Farhan Mustapha, selaku ahli majlis penyeliaan tesis ini, atas kesudian memberi tunjuk ajar dan membimbing bagi memantapkan tesis ini.

Sekalung penghargaan saya hулurkan kepada semua pensyarah Jabatan Bahasa Asing (bahasa Arab) kerana sentiasa komited dan bersemangat mendidik kami, para pelajar peringkat sarjana. Ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua rakan seperjuangan di Jabatan Bahasa Asing (bahasa Arab) yang banyak membantu dan sentiasa bermurah hati untuk berkongsi pendapat, idea dan pandangan dalam menyiapkan kajian ini.

Setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan juga dipersembahkan kepada insan-insan yang tersayang Hj. Mohamad Adnan, Hjh. Norehan serta adik beradik saya Mohamad Najib, Muhammad Naim dan Intan Nabilah yang juga turut memberi dorongan agar tekun dan sabar dalam menuntut ilmu. Khas buat suami tercinta Ahmad Safuan Bin Abd Rashid, insan yang banyak berkorban masa dan sentiasa memberi galakan serta semangat tanpa jemu dan menjadi sumber inspirasi dalam menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Tidak lupa buat anak soleh Ahmad Fahad Zayyan yang sangat memahami tugas mama dalam menyiapkan tesis ini.

Akhir kata, terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung, sepanjang saya menyempurnakan kajian dan penulisan tesis ini. Hanya Allah swt sahaja yang dapat membalah jasa baik anda.

**NADIAH BINTI MOHAMAD ADNAN**

*Antara Gapi, Serendah*

*25 September 2016*

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 11 April 2016 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Nadiyah binti Mohamad Adnan bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Efikasi Kendiri Bertutur Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Abd Rauf bin Hassan, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Zawawi bin Ismail, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Malaya  
(Pemeriksa Luar)



---

**ZULKARNAIN ZAINAL, PhD**  
Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 26 Julai 2016

Tesis ini telah dikemukakan kepada senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Che Radiah binti Mezah, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Nik Farhan binti Mustapha, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Professor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



## Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cUA tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integrity ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan). Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Nadiah Binti Mohamad Adnan (GS31292)

## **Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Dr. Che Radiah binti Mezah

Tandatangan  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Dr. Nik Farhan binti Mustapha

## ISI KANDUNGAN

	Halaman
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>KELULUSAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
<b>JADUAL TRANSLITERASI</b>	xv
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	2
1.4 Objektif Kajian	3
1.5 Persoalan Kajian	3
1.6 Hipotesis Kajian	3
1.7 Kepentingan Kajian	4
1.7.1 Pelajar	4
1.7.2 Pedagogi	4
1.7.3 Pendekatan Metodologi	4
1.8 Batasan Kajian	4
1.8.1 Aspek Kemahiran Bahasa	4
1.8.2 Subjek Kajian dan Tempat	5
1.9 Definisi Operasional	5
1.9.1 Efikasi Kendiri	5
1.9.2 Sumber Efikasi Kendiri	5
1.9.3 Bertutur Bahasa Arab	6
1.10 Kesimpulan	6
<b>2 TINJAUAN LITERATUR</b>	<b>7</b>
2.1 Pengenalan	7
2.2 Efikasi Kendiri	7
2.2.1 Sumber Efikasi Kendiri	8
2.2.2 Metafizik sebagai Sumber Efikasi Kendiri	10
2.2.3 Efikasi Kendiri Akademik	11
2.2.4 Tahap Efikasi Kendiri Pelajar UA	12
2.2.5 Faktor yang Mempengaruhi Efikasi Kendiri	13
2.3 Kemahiran Bertutur dalam Pembelajaran Bahasa	15
2.3.1 Kemahiran Bertutur dalam Bahasa Arab	16
2.3.2 Halangan Bertutur Bahasa Arab	19
2.4 Isu Berkaitan Kemahiran Bertutur dalam Bahasa Arab	19
2.4.1 Tahap Bertutur Bahasa Arab Pelajar UA	20
2.4.2 Sikap Pelajar UA Bertutur Bahasa Arab	20

2.4.3	Strategi Bertutur Bahasa Arab	21
2.5	Efikasi Kendiri dan Kemahiran Bertutur	22
2.6	Kesimpulan	23
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>24</b>
3.1	Pengenalan	24
3.2	Rekabentuk Kajian	24
3.2.1	Pendekatan Kajian	24
3.2.2	Prosedur Pemilihan Responden Kajian	25
3.2.3	Kerangka Konsep	27
3.2.4	Instrumen Kajian	28
3.2.5	Pembinaan Item Soal Selidik	28
3.2.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	32
3.2.6.1	Kesahan Instrumen	32
3.2.6.2	Kajian Rintis	33
3.2.6.3	Kebolehpercayaan Instrumen	34
3.3	Prosedur Pengumpulan Data Sebenar	34
3.3.1	Prosedur Sebelum Kajian	34
3.3.2	Prosedur Semasa Kajian	35
3.4	Prosedur Analisis Data	35
3.4.1	Ujian Normaliti	35
3.4.2	Bacaan Cronbach Alpha Soal Selidik	36
3.4.3	Analisis Deskriptif	37
3.4.4	Analisis Inferensi	38
3.5	Kesimpulan	38
<b>4</b>	<b>ANALISIS DAN PERBINCANGAN</b>	<b>39</b>
4.1	Pengenalan	39
4.2	Analisis Tahap Efikasi Kendiri Pelajar dalam Bertutur Bahasa Arab	39
4.2.1	Analisis Tahap Efikasi Kendiri Bertutur Bahasa Arab Secara Keseluruhan	39
4.2.2	Analisis Tahap Efikasi Kendiri bagi Sumber Pencapaian Diri Sendiri (Mastery Experiences)	41
4.2.3	Analisis Tahap Efikasi Kendiri bagi Sumber Pencapaian Orang Lain (Vicarious Experiences)	42
4.2.4	Analisis Tahap Efikasi Kendiri bagi Sumber Pemujukan Diri dan Sosial (Social Persuasion)	44
4.2.5	Analisis Tahap Efikasi Kendiri bagi Sumber Keadaan Fisiologi (Physiology Persuasion)	45
4.2.6	Analisis Tahap Efikasi Kendiri bagi Sumber Metafizik	46
4.2.7	Perbincangan Analisis Tahap Efikasi Kendiri Bertutur Bahasa Arab	47
4.3	Analisis Tahap Efikasi Kendiri Bertutur Bahasa Arab Mengikut Jantina	49
4.3.1	Analisis Tahap Keseluruhan Bagi Sumber Efikasi Kendiri Mengikut Jantina	49

4.3.2	Analisis Tahap Sumber Pencapaian Diri Sendiri Mengikut Jantina	50
4.3.3	Analisis Tahap Sumber Pencapaian Orang Lain Mengikut Jantina	51
4.3.4	Analisis Tahap Sumber Pemujukan Diri dan Sosial Mengikut Jantina	52
4.3.5	Analisis Tahap Sumber Keadaan Fisiologi Mengikut Jantina	53
4.3.6	Analisis Tahap Sumber Metafizik Mengikut Jantina	54
4.3.7	Perbincangan Penggunaan Sumber Efikasi Kendiri Mengikut Jantina	55
4.4	Analisis Penggunaan Sumber Efikasi Kendiri Mengikut Tahun Pengajian	57
4.4.1	Analisis Deskriptif ANOVA Mengikut Tahun Pengajian	57
4.4.2	Analisis Ujian ANOVA Sehalu bagi Keseluruhan Sumber	58
4.4.3	Pebincangan Penggunaan Sumber Efikasi Kendiri Mengikut Tahun Pengajian	58
4.5	Kesimpulan	59
<b>5</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>62</b>
5.1	Pengenalan	62
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	6
		2
5.2.1	Tahap Efikasi Kendiri Bertutur Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar UA	62
5.2.2	Tahap Efikasi Kendiri Bertutur Bahasa Arab Mengikut Jantina	63
5.2.3	Penggunaan Sumber Efikasi Kendiri Mengikut Tahun Pengajian	63
5.3	Saranan Pembelajaran dan Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab	63
5.3.1	Saranan Kepada Pelajar	64
5.3.2	Saranan dari Sudut Pedagogi	64
5.4	Saranan Kajian Lanjutan	65
5.5	Kesimpulan	66
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>67</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>77</b>
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>84</b>

## SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
2.1	Ciri-ciri Efikasi Kendiri yang Tinggi dan Rendah (Sumber: Bandura, 1977)	13
3.1	Reka Bentuk Kajian	25
3.2	Demografi Sampel Kajian (N= 278)	27
3.3	Skala Likert Pilihan Responden	29
3.4	Agihan Item Soal Selidik	29
3.5	Item Pencapaian Diri Sendiri	30
3.6	Item Pencapaian Orang Lain	30
3.7	Item Pemujukan Diri dan Sosial	31
3.8	Item Keadaan Fisiologi	31
3.9	Item Metafizik	32
3.10	Tarikh Pengedaran dan Pengumpulan Soal Selidik	34
3.11	Taburan Data Keseluruhan Sumber	35
3.12	Ringkasan Analisis Kebolehpercayaan Instrumen	37
3.13	Interpretasi Skor Min Tahap Sumber Efikasi Kendiri Pelajar	38
4.1	Tahap Penggunaan, Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Sumber Efikasi Kendiri Bertutur Bahasa Arab Secara Keseluruhan	40
4.2	Tahap Efikasi Kendiri Bertutur Bahasa Arab Secara Keseluruhan (N=278)	40
4.3	Skor Min dan Sisihan Piawai bagi sumber Pencapaian Diri Pencapaian Diri Sendiri (N=278)	41
4.4	Tahap Penggunaan Sumber Pencapaian Diri Sendiri (N= 278)	42
4.5	Skor Min dan Sisihan Piawai bagi sumber Pencapaian Orang Lain (N=278)	43

4.6	Tahap Penggunaan Sumber Pencapaian Orang Lain (N= 278)	43
4.7	Skor Min dan Sisihan Piawai bagi sumber Pemujukan Diri dan Sosial (N=278)	44
4.8	Tahap Penggunaan Sumber Pemujukan Diri dan Sosial (N= 278)	44
4.9	Skor Min dan Sisihan Piawai bagi sumber Keadaan Fisiologi (N=278)	45
4.10	Tahap Penggunaan Sumber Keadaan Fisiologi (N= 278)	46
4.11	Skor Min dan Sisihan Piawai bagi sumber Metafizik (N=278)	46
4.12	Tahap Penggunaan Sumber Metafizik (N= 278)	47
4.13	Ujian –t bagi Keseluruhan Sumber Efikasi Kendiri Mengikut Jantina	50
4.14	Nilai t bagi Tahap Sumber Pencapaian Diri Sendiri Mengikut Jantina	51
4.15	Nilai t bagi Tahap Sumber Pencapaian Orang Lain Mengikut Jantina	52
4.16	Nilai t bagi Tahap Sumber Pemujukan Diri dan Sosial Mengikut Jantina	53
4.17	Nilai t bagi Tahap Sumber Keadaan Fisiologi Mengikut Jantina	54
4.18	Nilai t bagi Tahap Sumber Metafizik Mengikut Jantina	55
4.19	Deskriptif ANOVA Mengikut Tahun Pengajian	57
4.20	Ujian ANOVA Sehalu bagi Keseluruhan Sumber Efikasi Kendiri	58
4.21	Rumusan Analisis dan Perbincangan Kajian	61

## SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
3.1	Kerangka Konseptual Kajian	28
3.2	Kenormalan Taburan Data	36





## SENARAI SINGKATAN

BA	Bahasa Arab
UA	Universiti Awam
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
UPM	Universiti Putra Malaysia
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
FPBU	Fakulti Pengajian Bahasa Utama
SPSS	<i>Statistical Packages for the Social Science</i>
ANOVA	<i>Analysis of Variance Test</i>

## JADUAL TRANSLITERASI

Perkataan Arab dieja dalam huruf rumi dengan berdasarkan kepada Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Jawi terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur tahun 1988. Sistem transliterasi ini adalah seperti berikut:

Huruf Arab	Transliterasi
ا	a
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sy
ص	ṣ

ظ

d

ط

t

ظ

z

ع

,

غ

gh

ف

f

ق

q

ك

k

ل

l

م

m

ن

n

ه

h

و

w


ء

,

ي

y

ة



**Vokal Pendek**

**Transliterasi**

اَ

a

اِ

i

اُ

u

**Vokal Panjang**

**Transliterasi**

اَـ

ā

اِـ

ī

و

ū

اُـ

**Diftong**

**Transliterasi**

أَي

ay

أَوْ

aw

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan perkara-perkara asas yang perlu ada dalam setiap kajian antaranya latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian dan persoalan kajian. Selain itu, bab ini turut menggariskan hipotesis, kepentingan dan batasan kajian yang dilakukan. Bab ini diakhiri dengan definisi beberapa istilah penting yang digunakan dalam kajian ini.

### 1.2 Latar Belakang Kajian

Bahasa merupakan alat komunikasi yang digunakan oleh manusia untuk berinteraksi dalam sebuah masyarakat. Tujuan manusia berkomunikasi adalah untuk menyampaikan maklumat serta mesej. Terdapat dua cara berkomunikasi iaitu sama ada lisan ataupun tulisan. Namun, masalah mula timbul apabila seseorang menggunakan lebih daripada satu bahasa ketika berinteraksi (Hazlina & Mohd Azidan, 2011). Oleh itu, ia boleh menyebabkan ketidaksampaian sebahagian ataupun keseluruhan maklumat atau mesej daripada penyampai kepada penerima mesej yang berlainan bahasa ibunda. Lantaran itu, hal ini menunjukkan pentingnya menguasai bahasa asing selain daripada bahasa ibunda bagi memudahkan proses berkomunikasi. Bahasa asing merujuk kepada satu bahasa bukan bahasa ibunda, bukan bahasa kebangsaan dan juga bukan bahasa rasmi di sesebuah negara. Ia juga disebut sebagai bahasa kedua (Norizah, 2005).

Dalam konteks pembelajaran bahasa asing di Malaysia terutamanya bahasa Arab, ia diklasifikasikan sebagai bahasa asing dalam konteks pendidikan di Malaysia selari dengan bahasa Perancis, Jepun dan Jerman (Akta Pendidikan 1996). Usaha mempelajari serta menguasai bahasa asing bukanlah suatu yang mudah. Penguasaan dari aspek sebutan, perbendaharaan kata, tatabahasa serta budaya bahasanya adalah penting untuk menguasai kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis (Zulkifli, 2012). Kemahiran-kemahiran tersebut perlu dikuasai dengan baik untuk menguasai bahasa Arab dengan cemerlang (Wan Azura, Lubna & Ahmad Fazullah, 2008).

Di antara empat kemahiran tersebut, bertutur merupakan unsur komunikasi yang tertua, terpenting dan paling kerap digunakan. Dengan kata lain, bertutur merupakan kemahiran asas berbahasa dan juga antara yang terawal muncul selepas mendengar berbanding kemahiran-kemahiran yang lain. Menurut Asmah (2004), bagi menguasai sesuatu bahasa, seseorang itu perlu cekap dan mahir dalam bertutur bahasa yang dipelajari untuk membuktikan seseorang itu benar-benar telah menguasai bahasa terutamanya bahasa asing.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Melihat konteks pembelajaran bahasa Arab di Malaysia, tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar khususnya pelajar UA adalah rendah. Ini bertepatan dengan kajian Ab. Halim (2009) yang mendapati kurangnya penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar UA di Malaysia sama ada di dalam atau di luar bilik kuliah merupakan sebab mengapa mereka tidak dapat menguasai bahasa Arab dengan baik. Begitu juga dengan Alkusaairy (1998) yang turut menyatakan dapatan yang sama dalam kajiannya.

Pelajar UA tidak aktif dalam program sendiri yang melibatkan kemahiran bertutur menyebabkan mereka kurang menggunakan bahasa Arab sesama mereka. Kemahiran bertutur memainkan peranan yang penting dalam menentukan kejayaan seseorang dalam menguasai bahasa asing (Zawawi, Ab Halim, Nik Mohd Rahimi & Mohd Ala-Uddin, 2011). Oleh itu, jika pelajar UA lemah dalam menguasai kemahiran bertutur, maka hasrat untuk menguasai bahasa Arab dengan baik sukar untuk dicapai.

Terdapat dua faktor yang menyebabkan kurangnya penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar UA; iaitu faktor luaran dan dalaman. Faktor luaran melibatkan persekitaran pembelajaran pelajar UA, ko-kurikulum dan sebagainya. Manakala faktor dalaman pula ialah perasaan pelajar terhadap bahasa yang dipelajari seperti malu, tidak yakin, takut, tidak bersemangat dan sebagainya (Ab. Halim, 2009).

Merujuk kepada faktor dalaman, dapat dirumuskan bahawa ia berpunca daripada diri pelajar itu sendiri; iaitu keyakinan dan kepercayaan diri atau juga disebut sebagai efikasi sendiri (*self-efficacy*). Jika tahap efikasi sendiri mereka tinggi, maka tahap keyakinan mereka juga tinggi, dan begitu juga sebaliknya. Sekiranya pelajar itu mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi, mereka tidak akan mencari alasan untuk mengatakan mereka lemah dalam bertutur bahasa Arab. Pelajar berpotensi untuk berjaya jika mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi (Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parilah, Wan Haslina, & Ahmed Thalal, 2011).

Selain itu, berdasarkan pemerhatian pengkaji terhadap kajian-kajian lepas, terdapat beberapa pengkaji telah mengkaji tahap efikasi sendiri dalam kalangan pelajar bagi pelbagai bahasa asing seperti bahasa Inggeris, bahasa Sepanyol dan bahasa Jerman yang melibatkan empat kemahiran bahasa (Florez, 1999; Javier, 2006). Walaupun begitu, kajian-kajian tersebut masih kurang memberi perhatian kepada kemahiran bertutur khususnya untuk bahasa Arab. Selain itu, terdapat juga kajian berkaitan efikasi sendiri yang memperlihatkan perbezaan antara tahap efikasi sendiri antara lelaki dengan perempuan. Menurut Fitzpatrick (1999) dan Bong (1999), dalam kajian masing-masing menunjukkan tahap efikasi sendiri lelaki adalah lebih tinggi berbanding perempuan. Sebaliknya,

bertentangan pula dengan Pajares & Valiante (2001) yang mendapati tahap efikasi sendiri perempuan adalah lebih tinggi berbanding lelaki. Sehubungan itu, oleh kerana kajian berkaitan efikasi sendiri dalam bertutur bahasa Arab agak terbatas, maka kajian ini akan mengkaji tahap efikasi sendiri bertutur bahasa Arab terhadap pelajar UA. Kajian ini akan melibatkan empat sumber efikasi sendiri (Bandura, 1997; Pajares, 2006) yang akan diterangkan dalam bab dua. Selain itu, pengkaji telah menambah satu sumber yang bersesuaian dengan kajian ini iaitu Metafizik. Kajian ini juga akan melihat perbezaan tahap efikasi sendiri bertutur bahasa Arab pelajar UA antara lelaki dan perempuan dan juga mengikut tahun pengajian.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini mempunyai tiga objektif, iaitu:

1. Mengukur tahap efikasi sendiri bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar UA.
2. Mengenal pasti perbezaan tahap efikasi sendiri bertutur bahasa Arab mengikut jantina.
3. Mengetahui perbezaan di antara tahap efikasi sendiri bertutur bahasa Arab pelajar UA dengan tahun pengajian.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Kajian ini cuba menjawab soalan-soalan berikut:

1. Apakah tahap efikasi sendiri bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar UA?
2. Adakah terdapat perbezaan tahap sumber efikasi sendiri bertutur bahasa Arab bagi pelajar lelaki dan perempuan?
3. Adakah terdapat perbezaan tahap sumber efikasi sendiri bertutur bahasa Arab mengikut tahun pengajian?

#### **1.6 Hipotesis Kajian**

Berdasarkan persoalan dan objektif, hipotesis kajian ini adalah seperti berikut:

**HA1** Terdapat perbezaan signifikan dalam penggunaan sumber efikasi sendiri bertutur bahasa Arab antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan.

**HA2** Terdapat perbezaan signifikan dalam penggunaan sumber efikasi sendiri bertutur bahasa Arab mengikut tahun pengajian.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Kajian ini dijalankan bagi menambah baik kajian-kajian sedia ada dari sudut berikut:

### **1.7.1 Pelajar**

Kajian ini amat penting dilaksanakan bagi membantu pelajar untuk membina keyakinan bertutur dalam bahasa Arab. Hal ini kerana, sepanjang pemerhatian pengkaji respon pelajar untuk bertutur bahasa Arab agak kurang memuaskan. Walaupun mereka mendapat keputusan yang baik dalam subjek bahasa Arab, namun penguasaan pelajar UA dalam bertutur bahasa Arab masih di tahap yang sederhana (Ghazali Yusri et. al, 2011). Oleh itu, efikasi sendiri dilihat penting dan perlu diterapkan dalam kalangan pelajar UA bagi membina dan menguatkan keyakinan mereka agar dapat bertutur bahasa Arab dengan baik.

### **1.7.2 Pedagogi**

Kajian ini dijangka dapat membantu dalam memberi input kepada pengajar dan pelajar bahasa Arab terhadap aspek yang perlu ditingkatkan untuk efikasi sendiri. Sebagai contoh, dengan mengetahui tahap efikasi sendiri pelajar ia dapat membantu para guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran sesuai dengan pencapaian dan tahap efikasi sendiri pelajar yang berbeza-beza (Ghazali Yusri et. al., 2011).

### **1.7.3 Pendekatan Metodologi**

Kajian ini juga cuba membuktikan terdapat hubungan antara efikasi sendiri dengan unsur kerohanian iaitu unsur Islam yang bersesuaian dengan responden kajian iaitu pelajar UA yang beragama Islam dan mengambil bahasa Arab. Oleh itu, kajian ini cuba menggabungkan idea barat dengan konsep yang diketengahkan oleh Islam selain mendedahkan kewujudan sedia ada amalan kerohanian dalam efikasi sendiri dalam bertutur.

## **1.8 Batasan Kajian**

Bagi melaksanakan kajian ini, pengkaji telah menetapkan beberapa batasan kajian bagi memperoleh hasil dapatan yang diinginkan seperti;

### **1.8.1 Aspek Kemahiran Bahasa**

Terdapat empat kemahiran bahasa yang terlibat dalam menguasai sesuatu bahasa; iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Bagi menjawab objektif kajian iaitu; mengetahui tahap efikasi sendiri untuk bertutur



bahasa Arab, pengkaji hanya memberi tumpuan kepada kemahiran bertutur sahaja.

### **1.8.2 Subjek Kajian**

Kajian ini melibatkan dua buah UA di Malaysia iaitu; Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Seramai 278 orang pelajar. UA tersebut telah dipilih kerana memenuhi kriteria dan kehendak kajian seperti yang akan dijelaskan dalam bab tiga. Pelajar yang terpilih sedang mengikuti program sarjana muda bidang bahasa Arab. Selain itu, responden yang dipilih terdiri daripada pelajar ijazah pertama sahaja.

### **1.9 Definisi Operasional**

